

26/11/1998

Kempen Pemuda dapat sambutan

KUALA LUMPUR, Rabu - Kempen mengumpul tandatangan anjuran Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) mendapat sambutan menggalakkan apabila kira-kira 40,000 borang diterima sehingga hari ini.

Setiausaha Kerja Pemuda Umno Malaysia, Radin Mokhtar Md Yusof, berkata borang tandatangan berkenaan diterima dari seluruh negara.

"Berdasarkan sambutan menggalakkan ini, kami yakin sasaran kempen untuk mendapat satu juta tandatangan dan panggilan telefon akan tercapai," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bantahan dan tandatangan yang dikumpul itu, akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai tanda bantahan rakyat terhadap kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, yang menyokong gerakan reformasi di negara ini.

Borang itu diedar melalui wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk dan syarikat swasta. Orang ramai juga boleh menghubungi 03-4441199 yang dibuka 24 jam.

Kutipan tandatangan itu dijangka terus meningkat apabila parti komponen BN memulakan kempen dalam tempoh terdekat ini.

Individu, pertubuhan atau sektor swasta berminat membantu secara sukarela mengedar borang boleh datang sendiri ke kaunter yang disediakan.

(END)